

# DIAZEPAM TABLET

Diazepam (5mg, 10mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diazepam Tablet
2. Bagaimana Diazepam Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diazepam Tablet
4. Cara menggunakan Diazepam Tablet
5. Semasa menggunakan Diazepam Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diazepam Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diazepam Tablet

Diazepam Tablet digunakan untuk:

- Merawat keresahan
- Merawat gejala pemberhentian alkohol akut
- Melegakan keresahan dan ketegangan sebelum prosedur pembedahan.
- Sebagai rawatan tambahan ke atas prosedur endoskopik (yang membolehkan pemeriksaan bahagian dalam pada saluran pencernaan)
- Melegakan kecelaruan sawan
- Membantu merehatkan otot dan kekejangan otot
- Merawat gejala seperti terketar-ketar

## Bagaimana Diazepam Tablet berfungsi

Diazepam Tablet tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *benzodiazepine*. Diazepam dipercayai berfungsi dengan bertindak ke atas bahan kimia dalam otak.

## Sebelum menggunakan Diazepam Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Diazepam Tablet dan beritahu doktor anda sekiranya :

- anda alah kepada diazepam, ubat benzodiazepine yang lain atau kepada sebarang bahan-bahan lain terkandung dalam tablet anda (lihat seksyen **Maklumat Lanjut**).
- Mempunyai glaukoma sudut tertutup akut (tekanan tinggi dalam mata)
- Mengalami gangguan psikotik (penyakit mental)
- Mempunyai *myasthenia gravis* (keadaan otot menjadi lemah dan mudah letih)
- Masalah pernafasan yang teruk (kesukaran bernafas)

### - Sebelum menggunakan Diazepam Tablet

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Diazepam Tablet sekiranya anda :

- Seorang warga tua atau mengalami kelemahan yang teruk
- Mempunyai arteriosklerosis (penebalan atau pengerasan saluran darah)
- Mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- Sesak nafas

### Mengandung dan menyusukan bayi

Jangan mengambil Diazepam Tablet jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan anak. Jika diambil secara berterusan semasa kehamilan, bayi anda mungkin mengalami gejala sarak (withdrawal). Jangan mengambil Diazepam Tablet sehingga anda dan doktor anda telah membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, terutamanya:

- Antasid dan cimetidine (membantu mengurangkan asid perut).
- Antidepressants (untuk merawat kemurungan), contohnya tricyclic antidepressant (TCA), monoamine oxidase inhibitor (MAOI).
- Ubat untuk melegakan rasa loya, muntah-muntah dan pening yang berkaitan dengan mabuk gerak, contohnya scopolamine.
- Ubat-ubatan untuk epilepsi, contohnya phenytoin, carbamazepine, atau sodium valproate.
- Rifampicin dan isoniazid (untuk merawat batuk kering).
- Levodopa (untuk merawat Penyakit Parkinson).

Ubat-ubatan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berinteraksi dengan Diazepam Tablet. Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak informasi tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau untuk dielakkan semasa mengambil Diazepam Tablet.

## Cara menggunakan Diazepam Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos untuk dewasa :

**Untuk membantu melegakan kelembaban:** 2 hingga 10mg, dua hingga empat kali sehari.

**Untuk membantu melegakan gejala pemberhentian alkohol akut:** 10mg, tiga atau empat kali sehari dalam masa 24 jam, dos berkurangan kepada 5mg, tiga atau empat kali sehari bila perlu.

**Untuk membantu penyakit sawan :** 2 hingga 10mg tiga atau empat kali sehari.

**Untuk membantu melegakan kekejangan otot :** 2 hingga 10mg tiga atau empat kali sehari

**Warga tua atau dengan kelemahan yang teruk :**

Secara oral, 2 hingga 2.5mg satu atau dua kali sehari, dos boleh dinaikkan secara beransur-ansur jika diperlukan dan boleh ditoleransi.

**Dos untuk kanak-kanak**

**Kanak-kanak sehingga usia 6 bulan:** penggunaan tidak digalakkan.

**Kanak-kanak 6 bulan dan ke atas :**

1 hingga 2.5mg, tiga atau empat kali sehari, dos dinaikkan secara beransur-ansur bila perlu.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Menelan tablet secara keseluruhan, dengan segelas air.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil Diazepam Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Biasanya, Diazepam Tablet perlu diambil untuk tempoh yang singkat sahaja. Penggunaan secara berterusan untuk jangka masa yang panjang adalah tidak digalakkan kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Penggunaan Diazepam Tablet dalam jangka masa panjang mungkin membawa kepada ketagihan (lihat bahagian *perkara yang perlu diberi perhatian*).

# DIAZEPAM TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Diazepam (5mg, 10mg)

## - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil dos, ambil ubat secepat mungkin. Jika hampir masa untuk dos berikutnya, tinggalkan dos tersebut dan kembali ke jadual dos rutin. Jangan mengambil 2 dos sekaligus.

## - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil dos lebih daripada yang ditetapkan hubungi doktor anda dengan segera.

Jika anda mengambil terlalu banyak Diazepam Tablet, anda mungkin mengalami kekeliruan, mengantuk teruk, kegoyahan, sesak nafas dan kelemahan yang teruk.

## Semasa menggunakan Diazepam Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini dengan secara tiba-tiba. Berhenti mengambil ubat ini secara tiba-tiba mungkin akan menyebabkan kesan sampingan seperti tidur yang terganggu. Doktor anda mungkin akan mengurangkan dos anda secara beransur-ansur sebelum anda boleh berhenti mengambil ubat ini. (lihat bahagian Perkara yang perlu diberi perhatian).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera/mesin Diazepam Tablet boleh menyebabkan anda mengantuk. Elakkan daripada minum alkohol atau mengendalikan jentera ketika mengambil Diazepam Tablet.

Alkohol boleh meningkatkan kesan sedatif Diazepam Tablet dan membuat anda mengantuk. Jangan minum alkohol semasa anda mengambil Diazepam Tablet. Warga tua lebih cenderung kepada kesan-kesan ini.

## Perilaku kompleks semasa tidur

Tingkah laku kompleks yang mungkin termasuk memandu semasa tidur, membuat panggilan telefon, menyediakan dan makan makanan mungkin berlaku semasa tidur.

## Ketagihan

Apabila mengambil ubat ini terdapat risiko ketagihan. Risiko ketagihan meningkat apabila dos dan tempoh rawatan meningkat.

Pesakit yang mempunyai sejarah ketagihan alkohol dan penyalahgunaan dadah lebih cenderung kepada ketagihan.

## Sarak (*withdrawal*)

Rawatan perlulah dihentikan secara beransur. Pemberhentian rawatan secara tiba-tiba boleh menyebabkan gejala pengeluaran.

## Kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Diazepam Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bagaimanapun, tidak semua orang mendapat mereka.

Beritahu doktor anda jika anda mendapat mana-mana kesan sampingan yang berikut:

- mengantuk
- ataxia (kekurangan koordinasi otot)
- sakit kepala
- kehilangan ingatan
- tekanan darah rendah
- sesak nafas
- loya
- sembelit
- penglihatan kabur
- ruam kulit
- kesukaran untuk membuang air kencing
- kekeliruan
- pertuturan tidak jelas
- perubahan nafsu seks
- ketagihan

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku pada sesetengah orang. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang membuat anda merasa kurang sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*)

## Cara penyimpanan dan Pelupusan Diazepam Tablet

### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya matahari.

Jangan gunakan Diazepam Tablet yang telah tamat tempoh. Tarikh luput adalah merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

## - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat, rata, bertepi serong dengan garisan belahan pada satu bahagian permukaan.

Warna: Kuning (5mg) & Biru (10mg).

## Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:  
Diazepam

### - Bahan-bahan tidak aktif:

*Diazepam Tablet 5mg*  
Maize Starch, Lactose, D&C Yellow No. 10 dan Magnesium Stearate.

### *Diazepam Tablet 10mg*

Maize Starch, Lactose, FD & C Blue No. 1 dan Magnesium Stearate.

### - Nombor MAL

*Diazepam Tablet 5mg:*  
MAL19860211AZ

### *Diazepam Tablet 10mg:*

MAL19860207AZ

## Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.  
(661901-P)  
Lot 24 & 25 Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000  
Sungai Petani, Kedah Darul Aman,  
Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.  
(661901-P)  
Lot 24 & 25 Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000  
Sungai Petani, Kedah Darul Aman,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

08/10/2015

Nombor siri

BPK(R4/1)061015/00341